UNIT PERJAWATAN & CUTI BELAJAR,
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA,
JABATAN PENDAFTAR,
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG,
LEBUHRAYA TUN RAZAK,
26300 GAMBANG, KUANTAN,
PAHANG DARUL MAKMUR

## 1. PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN GRED U3 (TETAP : KEKOSONGAN 1)

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Tangga Gaji | P1 | RM801.84 (Minimum) | - | RM1,721.72 (Maksimum) |
| | P2 | RM849.83 (Minimum) | - | RM1,810.31 (Maksimum) |
| | P3 | RM899.66 (Minimum) | - | RM1,900.69 (Maksimum) |

Kelayakan:

(a) tamat Tingkatan Tiga sekolah menengah bantuan penuh kerajaan;

(Gaji permulaan ialah pada Gred U3:P1 RM801.84)

dan (b) boleh bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

**Bagi jawatan yang ditawarkan di Pusat Kesihatan Pelajar Kampus Gambang.**

## 2. PEMBANTU MAKMAL GRED C17 (KONTRAK : KEKOSONGAN 1)

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Tangga Gaji | P1 | RM932.15 (Minimum) | - | RM2,531.14 (Maksimum) |
| | P2 | RM990.26 (Minimum) | - | RM2,668.04 (Maksimum) |
| | P3 | RM1,050.09 (Minimum) | - | RM2,809.80 (Maksimum) |

Kelayakan:

(a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus dalam subjek Matematik atau salah satu daripada subjek Sains pada peringkat peperiksaan tersebut;

dan (b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**Bagi jawatan yang ditawarkan di Makmal Berpusat Kampus Gambang.**

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik UMP berasaskan pengalaman kerja berkaitan.

**SYARAT-SYARAT UMUM**
Pemohon-pemohon yang memohon jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

**TARAF JAWATAN**
Jawatan akan dilantik secara **tetap atau kontrak.**

**PERMOHONAN OLEH PEGAWAI YANG SEDANG BERKHIDMAT**
Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan **melalui Ketua Jabatan** masing-masing dengan menyertakan salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan tiga (3) tahun terakhir, salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini dan ulasan majikan sama ada menyokong atau tidak permohonan selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012, Para 18.

**UMUR PADA TARIKH TUTUP IKLAN**
Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**CARA MEMOHON**
Permohonan hendaklah dibuat secara ***Online*** dengan mengisi maklumat pemohon di laman web rasmi UMP iaitu ***http://www.ump.edu.my***. Calon diwajibkan mencetak **Surat Pengesahan Permohonan *Online* (Selepas tamat mengisi butiran permohonan melalui web rasmi UMP)**. Permohonan yang tidak dibuat secara ***Online*** melalui laman web rasmi UMP tidak akan dilayan.

Sila nyatakan jawatan yang dimohon di penjuru kiri muka hadapan sampul surat.

Permohonan yang lengkap beserta dengan salinan-salinan sijil akademik dan lain-lain dokumen berkaitan yang telah disahkan hendaklah dihantar kepada :

**PENDAFTAR,**
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG,**
**LEBUHRAYA TUN RAZAK,**
**26300 GAMBANG, KUANTAN,**
**PAHANG DARUL MAKMUR**
**(U/P : UNIT PERJAWATAN & CUTI BELAJAR,**
**BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA)**

**CATATAN AM**
(a) Hanya permohonan yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
(b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan daripada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
(c) Pemohon yang pernah membuat permohonan pada iklan-iklan yang lalu dinasihatkan mengemukakan semula permohonan jika masih berminat dan layak.

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN ATAS TALIAN**
**Pada atau sebelum 31 Mei 2013.**

**TARIKH AKHIR PENERIMAAN DOKUMEN PERMOHONAN**
**Tarikh akhir penerimaan dokumen permohonan setelah mengisi maklumat di laman web rasmi UMP, *http://www.ump.edu.my* adalah pada atau sebelum 7 Jun 2013.**